

# Terbukti Amerika tidak hormati kebebasan nemra rantau ini — PM

(P)

KUALA LUMPUR 6 Jan — Pendirian Amerika Syarikat yang menolak konsep **Rundingan** Ekonomi Asia Timur (EAEC) jelas memperlihatkan sikap negara itu yang tidak menghormati kebebasan dan kemerdekaan negara-negara di rantau ini, kata **Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad**.

**Perdana Menteri** menegaskan, tindakan Amerika yang cuba mempengaruhi negara-negara lain supaya tidak menyokong penubuhan EAEC yang dipelopori oleh Malaysia juga membuktikan ia mencabul hak negara-negara lain membuat **keputusan** sendiri.

"Jika Amerika Syarikat tidak suka kepada EAEC, ia

tidak sepatutnya memaksa negara lain supaya mengikut kehendaknya," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan Projek 'Penilaian dan Analisis Pengurusan Berisiko' anjuran Kelab Harvard Malaysia di Bank Negara di sini hari ini.

Beliau memberi jaminan bahawa pendirian Amerika itu akan dibincangkan semasa Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan ASEAN di Singapura 27 Januari ini.

Menurut **Perdana Menteri**, Amerika melaung-laungkan konsep kebebasan hak asasi manusia dan kemerdekaan tetapi tindakannya kini tidak langsung menghormati hak-hak yang diperkatakan itu.

Beliau berpendapat, pendirian Amerika itu tidak hanya akan dinyatakan setakat mulut tetapi ditambah dengan tindakan ke atas negara-negara yang meneruskan rancangan penubuhan EAEC. "Mungkin tindakan tertentu akan diambil jika kita terus menubuhkan EAEC," tambahnya.

Kelmarin, Presiden Amerika Syarikat, Encik George Bush semasa melawat Singapura mengulangi pendirian negaranya yang sama sekali tidak menyokong penubuhan EAEC.

Encik Bush menjelaskan, beliau khuatir EAEC yang dicadangkan itu boleh menyebarkan dunia terbahagi kepa-

da blok-blok dagangan tertentu.

Bagaimanapun, Menteri Luar, **Dato' Abdullah Haji Ahmad Badawi** berkata semalam, Malaysia telahpun mengetahui pendirian Amerika itu sebelum ini.

"Percakapan Encik Bush itu bukanlah perkara baru dan hanya mengulangi pendirian mereka yang tidak cenderung langsung kepada EAEC," kata **Dato' Abdullah**.

Menurutnya, apa yang lebih penting ialah Amerika tidak campurtangan dalam penubuhan EAEC kerana perkara tersebut akan dibincangkan dan diputuskan di kalangan negara-negara ASEAN.